

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos sebenar sara hidup di Malaysia berbanding negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat & Britain dengan formula RM1=satu unit mata wang asing (USD1 atau GBP1).

JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk membolehkan perbandingan kos sara hidup di antara negara-negara, *International Comparison Programme* (ICP) telah dilaksanakan oleh Bank Dunia semenjak tahun 1970. Di bawah program ini, data mengenai harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dapat memberi kepuasan yang seakan-akan sama di 199 buah negara telah diseragamkan supaya perbandingan langsung dapat di buat. Berdasarkan anggaran Bank Dunia pada tahun 2013, kedudukan paras harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia adalah ke-48 terendah di antara 199 negara.

Dengan menggunakan ekonomi Amerika Syarikat sebagai asas, nisbah paras harga faktor pertukaran kuasa beli pariti di Malaysia adalah sebanyak 0.452 pada tahun 2013. Ini bermakna, bagi membeli bakul barangan dan perkhidmatan yang berharga satu Dolar Amerika di Amerika Syarikat, cuma 0.452 Dolar Amerika diperlukan di Malaysia. Dengan kata lain, paras harga di Malaysia secara umumnya adalah 54.8 peratus lebih rendah daripada Amerika Syarikat.

Hasil penemuan program ICP tersebut juga menunjukkan bahawa paras harga di Malaysia adalah lebih rendah jika berbanding dengan negara maju yang lain. Sebagai contoh, paras harga di Malaysia adalah 58.5 peratus lebih rendah daripada paras harga di Britain, 57.4 peratus lebih rendah daripada harga di Jepun, 42.4 peratus lebih

33

rendah daripada harga di Korea Selatan, dan 35.6 peratus lebih rendah daripada harga di Singapura. Jika dibandingkan dengan tiga negara yang paling mahal di dunia, iaitu Australia, Norway dan Switzerland, paras harga Malaysia adalah kira-kira 70 peratus lebih rendah daripada di negara-negara tersebut.

Berdasarkan kepada *The Big Mac Index* yang dikeluarkan oleh *the Economist* pada Januari 2015, Malaysia menduduki tempat ke-4 terendah (ASD2.11) mengikut pariti kuasa beli di antara 56 negara. Kedudukan ini adalah lebih rendah berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat (ASD4.79) dan Britain (ASD4.37).

Sekian, terima kasih.